

16/01/2001

Pemilihan pengerusi baru MAS ambil masa

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, berkata proses pemilihan pengerusi baru Penerbangan Malaysia (MAS) mengambil masa bagi mengelak sebarang masalah.

"Jangan fikir membeli saham sebesar itu tidak mendatangkan masalah, ia mendatangkan banyak masalah.

"Jika kita tidak berhati-hati, kita mungkin terpaksa membuat tawaran am (bagi baki saham MAS)," katanya ketika ditanya mengenai siapa bakal menerajui syarikat penerbangan kebangsaan itu.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri majlis jamuan Hari Raya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Kerajaan membeli 29.9 peratus kepentingan MAS pada harga RM8.00 sesaham daripada Naluri Bhd, syarikat yang dikuasai oleh Pengerusi Eksekutif MAS Tan Sri Tajudin Ramli. Pembelian itu membabitkan pembayaran berjumlah RM1.79 bilion oleh kerajaan.

Pegangan kerajaan dalam MAS ketika ini agak besar jika diambil kira pegangan beberapa agensi pelaburan lain.

Mengikut garis panduan penggabungan dan pengambilalihan negara ini, jika pemegang saham tunggal memiliki pegangan melebihi 33.3 peratus, pihak terbabit perlu membuat tawaran am bagi baki saham yang tidak dimilikinya dalam syarikat itu pada harga terakhir beliau bayar bagi saham itu.

Ditanya sama ada pengerusi baru adalah di kalangan pekerja MAS atau pemegang saham seperti kedudukan Tajudin sebelum ini, Perdana Menteri berkata: "Kita belum tahu lagi".

Awal bulan ini, Kesatuan Pekerja Penerbangan Malaysia (Maseu) meminta kerajaan melantik anak tempatan untuk menerajui MAS.

Presiden Maseu Alias Aziz dipetik sebagai berkata, terdapat beberapa calon di kalangan pengurusan tertinggi MAS yang layak untuk jawatan itu kerana ada yang sudah bertugas dengan syarikat itu lebih 20 tahun.

Alis berkata, pengerusi di kalangan kakitangan MAS akan mempunyai pengetahuan lebih baik mengenai pekerja dan budaya korporat syarikat itu selain memudahkan hubungan baik dengan kakitangan.

(END)